

TALKING POINT KETUA PENGARAH
SEMPENA PELANCARAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
16 MEI 2019

1. ALUAN

Mengucapkan terima kasih atas kehadiran YB Menteri, YB Timbalan Menteri dan Dato KSU atas kehadiran majlis pada hari ini.

(Solutation Berasingan Akan Disediakan)

2. SOROTAN KEJAYAAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

IKM ditubuhkan sejak sebelum merdeka 1956 sebagai satu-satunya pusat pembangunan modal insan koperasi di negara ini. Permulaan dengan 7 orang kakitangan kini setelah 63 tahun dengan 207 jawatan, IKM telah mengalami perkembangan yang pesat dalam pelbagai aspek. Peranan penting yang telah dijalankan sebagai pusat latihan koperasi adalah membangun kemahiran modal insan koperasi di negara ini agar selari dengan hasrat DKN 2011-2020. Antara kejayaan yang telah dijalankan sepanjang 63 tahun;

Peringkat Nasional;

- a) Pertukaran Nama dari Maktab Bekerja Sama2 Malaya (1956), Maktab Kerjasama Malaysia (1963) (diiktiraf sebagai Badan Berkanun Persekutuan), Maktab Koperasi Malaysia (2011) dan Institut Koperasi Malaysia (2019).

- b) 1991-Menganjurkan Diploma Pengurusan Koperasi dengan diiktiraf oleh MQA dan JPA.

- c) 1998-Penubuhan cawangan baharu di Sabah dan Sarawak bagi menyebarkan ilmu koperasi kepada masyarakat di peringkat akar umbi. 2009 menubuhkan IKM Zon Timur dan Selatan. 2010 Zon Utara dan 2016 Zon Tengah.

- d) 2003-Agensi yang bertanggungjawab untuk menjalankan Kursus Wajib Koperasi kepada semua Ahli Lembaga Pengarah seperti yang termaktub dalam Garis Panduan Koperasi (GP5) oleh SKM.

- e) 2005-Mendapat pengiktirafan MS ISO 2001: 2015 bagi program latihan jangka pendek.

- f) 2008-Bekerjasama dengan UUM untuk menjalankan program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Pengurusan Koperasi).

- g) 2015-Penubuhan Kolej iCOOP anak syarikat IKM untuk menganjurkan program jangka panjang peringkat Sijil, Diploma, Ijazah, Sarjana dan Doktor falsafah secara berperingkat daripada Kolej ke Kolej Universiti dan Universiti penuh menjelang 2030. Bertujuan melahirkan golongan profesional dalam bidang koperasi di negara ini.

- h) Menghasilkan lebih daripada 100 buah penyelidikan dan lebih daripada 300 penerbitan termasuk artikel dalam bidang koperasi serta sebahagiannya digunakan oleh Kementerian dan universiti sebagai bahan rujukan untuk pembuat dasar.
- i) Mengadakan memorandum kerjasama dengan lebih daripada 50 agensi/pertubuhan di Malaysia seperti TEKUN Nasional, PNS, MYCC, Bank Rakyat, ANGKASA, LPP, KOPETRO, ETIQA Takaful, KPF, Institut Material Malaysia dan lain-lain.
- j) 2015-Melancarkan program Skim Latihan Kerjaya Koperasi kepada graduan IKM dan Kolej iCOOP untuk mendapat latihan secara hands on di koperasi seluruh negara.

Peringkat Antarabangsa

- a) Diiktiraf sebagai pusat pembangunan modal insan koperasi di Malaysia dan International Cooperative Alliance (ICA) untuk negara Malaysia.
- b) 1981 menganjurkan Program Latihan di peringkat antarabangsa melalui kerjasama dengan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO/MATCOM). Menjadi tenaga pengajar bagi negara Mauritius, Brunei dan Indonesia bagi subjek koperasi.

- c) 1984 Menganjurkan program Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) untuk peserta negara membangun dan negara asia pasifik (seperti Thailand, Fiji, Indonesia, Sri Lanka, Kemboja, Ghana, Sudan, Swaiziland, Myanmmar, Pakistan, Ghana dan Vietnam).
- d) Mengadakan MoU dengan pertubuhan antarabangsa seperti Iran (Kementerian Koperasi Republik Iran), UK (Cooperative College, Manchaster) Indonesia (DEKOPIN), Brunei (Badan Kemajuan Industri Brunei), Jerman (Institut for International partnership), India (National Council for Cooperative Training), Vietnam (Vietnam Cooperative Alliance)
- e) Membentangkan kertas kerja berkaitan dengan koperasi di lebih daripada 20 buah negara di dunia seperti Iran, Indonesia, Singapore, Thailand, Brunei, Sepanyol, Finland, China, Itali, Filipina, Korea, Sweden, Croatia dan lain-lain

3. DIMENSI KECEMERLANGAN

- a) IKM dalam era transformasi secara menyeluruh dan berazam untuk mengubah landskap baharu gerakan koperasi di Malaysia. Selari dengan NEF dan Dasar negara, IKM melipatgandakan usaha untuk memartabatkan kedudukan koperasi di negara ini sebagai pemangkin ekonomi negara.

- b) Dimensi baharu dan pelan strategik ke arah kecemerlangan organisasi meliputi infrastruktur, modal insan, proses kerja dan teknologi. Untuk itu IKM telah menetapkan beberapa KPI pada tahun 2019 dalam Pelan Strategik bagi memastikan hala tuju baharu IKM dicapai:

i. Infrastruktur –IKM sedang menaiktaraf kemudahan di ibu pejabat supaya bercirikan imej korporat, moden, kondusif serta mesra OKU. Fasa pertama melibatkan Kaunter Bok A, Perpustakaan, Bilik Kuliah, Surau, Tandas dan Auditorium telah dinaik taraf. Manakala fasa kedua akan melibatkan pengubahsuaian Dewan Makan, Asrama dan Pejabat IKM.

ii. Modal insan–Pihak IKM dalam proses melaksanakan penstrukturan semula organisasi dengan memohon penambahan perjawatan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Usaha ini penting bagi memastikan kualiti perkhidmatan IKM dapat dipertingkatkan terutamanya kepada rakyat. Kita berhasrat membangunkan '*subject matter expert*' (SME) peringkat dalaman dan berharap SME ini menjadi rujukan utama kepada koperasi di seluruh Negara. Ini termasuk membuat *Talent Development* dengan membentuk jawatankuasa khas bagi Learning Need Analysis (LNA) di IKM.

Mewujudkan tiga tiang utama iaitu Bahagian Pusat Kecemerlangan, Bahagian Strategi dan Pembangunan

serta Bahagian Pengurusan. Kita akan mewujudkan kecemerlangan di dalam semua aspek termasuk pengurusan sumber manusia, Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Maklumat, Latihan dan Pendidikan, Penyelidikan, Perundingan dan Penerbitan.

iii. Proses Kerja- IKM akan menambahbaik semua proses kerja sedia ada dan melaksanakan perubahan antaranya:

- a.** Mempelbagai mod/kaedah latihan sedia ada iaitu tidak sahaja berfokus kepada teori tetapi lebih kepada praktikal dan penyelesaian masalah termasuk pendidikan seperti experiential learning, inkubator, intervensi dan secara online
- b.** Membuat penanda aras (benchmark) pusat latihan cemerlang dalam dan luar negara dan adaptasi amalan terbaik pengurusan koperasi dalam dan luar negara yang cemerlang,
- c.** Membangunkan kokurikulum yang lebih dinamik dengan menekankan kaedah praktikal bukan teori semata-mata serta menekankan *outcome*.
- d.** Memacu kecemerlangan koperasi melalui pengukuhan jaringan industri, agensi kerajaan dan koperasi (institut sebagai fasilitator). Contoh program *start-up*, *scale-up* dan *high performing*.

e. Meluaskan program akreditasi dan persijilan. Mempersijilkan atau mengiktiraf koperasi yang memenuhi kriteria persijilan yang ditetapkan dan meningkatkan bilangan koperasi yang menggunakan atau mematuhi prinsip dan nilai koperasi yang telah ditetapkan. Antara pelan tindakan adalah membangun dan mengguna kriteria audit yang memenuhi garis panduan yang ditetapkan, menyediakan prosedur pengauditan yang memenuhi keperluan ditetapkan, membangun sistem pengurusan persijilan secara atas talian, dan mempersijilkan koperasi. Usaha ini akan meningkatkan kebolehpasaran dan daya saing koperasi.

iv. Teknologi – Bagi memastikan program yang dijalankan memenuhi pasaran semasa, teknologi IKM akan dinaiktaraf dengan menambahbaik Pelan ICT sedia ada, menggunakan teknologi terkini dalam sistem penyampaian dan penyebaran maklumat.

v. Budaya Kerja-IKM telah merancang beberapa tindakan ke arah budaya kerja cemerlang yang bercirikan korporat seperti menganjurkan program sumbang saran, pertandingan menulis esei bagi mendapatkan idea daripada kakitangan berkaitan budaya kerja cemerlang, program team building khas, bengkel *brainstorming* melibatkan semua pengarah, sesi perbincangan berkala penambahbaikan dasar dan

polisi sedia ada dan lain-lain lagi. IKM juga melancarkan program STAR (*Staff Appreciation and Award Programme*) sebagai satu pengiktirafan secara dalaman kepada kakitangan IKM.

- c) Bagi tahun 2019, IKM merencanakan pembangunan koperasi dan usahawan koperasi di Malaysia dengan melaksanakan inisiatif berikut yang sebahagiannya telah mendapat sokongan Kementerian:

i. MILLION RINGGIT COOP LEAGUE (MiRiCLe)

Inisiatif bertujuan membantu koperasi kecil meningkatkan pendapatan sehingga RM1.0 juta sekali gus melonjak kedudukan kluster yang lebih tinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan. Melalui program ini adalah diharapkan dalam tempoh 5 tahun 60% koperasi di Malaysia akan berpendapatan lebih RM1.0 juta. Bagaimanapun sebagai sasaran permulaan 2019 sebanyak 200 koperasi akan dikenal pasti oleh pihak IKM. Setakat ini pegawai IKM di Zon telah mengenal pasti sebanyak 69 koperasi sebagai pilot projek. Outcome utama dari program ini diharapkan 200 koperasi yang terpilih dapat diurus

tadbir dengan lebih cekap, berlaku pertumbuhan bisnes dan penerokaan bisnes baharu. Modus operandi program ini melibatkan lima proses:

- a) Program Turun padang
- b) Bengkel tindakan tambah nilai
- c) Program susulan bersama tambah nilai
- d) Pembiayaan atau khidmat pakar
- e) Pemantauan dan Penilaian

ii.PROGRAM INKUBATOR

Program Inkubator sebagai program galakan bagi membantu usahawan mahupun koperasi yang ingin menceburi bidang perusahaan di peringkat awal dengan diberikan kemudahan-kemudahan yang boleh membantu mereka membangunkan perusahaan tersebut. Program Inkubator yang IKM berikan adalah berfokus kepada perkara berikut :

- Menyediakan premis operasi perusahaan dan kadangkala bersama jentera pengeluaran dengan kadar sewa termurah.

- Memberi khidmat bimbingan dan penyelidikan percuma
- Menyediakan prasarana asas dan sumber-sumber asas, kelengkapan dan dana
- Menyediakan tapak operasi yang diperlukan bagi menjayakan perusahaan tersebut.

Tiga projek yang telah dikenal pasti untuk dibangunkan di Jalan Tandang IKM seluas 9 ekar adalah :

- a) Fertigasi Cili
- b) Penternakan Arnab Pedaging
- c) Perusahaan pengeluaran ringan (packaging)

Pihak IKM telah menganjurkan Konvensyen Usahawan Koperasi pada 17-18 April 2019 yang dihadiri lebih daripada 255 peserta. Hasil daripada konvensyen seramai 111 orang peserta berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut program bidang keberhasilan pertanian dan asas tani anjuran IKM. Pihak IKM sedang merangka program susulan kepada semua peserta yang berminat. Outcome program ini akan memberi peluang kepada koperasi yang dipilih untuk menjalankan

aktiviti ekonomi yang akhirnya melonjakkan pendapatan koperasi.

iii.BEST PRACTICES

IKM menggalakkan adaptasi amalan koperasi terbaik (best practices) koperasi daripada sudut pengurusan, pentadbiran dan perniagaan untuk dikaji dan dinilai seterusnya dijadikan penanda aras serta panduan bagi meningkatkan pengurusan dan pentadbiran gerakan koperasi negara ke arah yang lebih baik.

Amalan terbaik ini dilihat dari aspek dalam dan luar negara. Melalui pengalaman dan amalan terbaik gerakan koperasi dalam dan luar negara, koperasi boleh meneliti sendiri amalan serta prosedur cemerlang yang diamalkan oleh organisasi lain selain koperasi mereka dalam meningkatkan produktiviti dan keberhasilan koperasi. IKM sebagai agen penghubung antara koperasi dengan koperasi yang menjalankan amalan cemerlang. Pendedahan koperasi kepada perkara ini dilihat sebagai salah satu dorongan kepada koperasi untuk mengadaptasi amalan terbaik dalam mencapai kecemerlangan organisasi.

Pihak IKM akan melihat contoh amalan terbaik koperasi luar negara untuk diadaptasi di negara ini

melalui kajian armchair dan program sangkutan (attachment) ke koperasi terpilih. Hasil daripada latihan sangkutan yang dihadiri, pegawai akan mengemukakan laporan berkenaan amalan terbaik kepada pihak pengurusan IKM. Idea yang berpotensi dan relevan akan diangkat ke pihak Kementerian dan Majlis Perundingan Koperasi Kebangsaan.

Bagi menyebarkan maklumat berkenaan amalan terbaik ini, IKM menerbitkan penulisan berkenaan amalan terbaik koperasi dalam buku yang boleh diakses secara atas talian dan diedarkan kepada koperasi. Selain itu, Kolokium Akademik akan dianjurkan bagi menyediakan platform kepada pegawai latihan untuk berkongsi dapatan dan amalan terbaik koperasi dalam dan luar negara dikalangan pegawai latihan lain. Input yang diperolehi daripada kolokium ini akan dijadikan sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah yang mana akan mendedahkan koperasi kepada amalan terbaik koperasi lain sama ada dalam dan luar negara.

iv. USAHA SAMA STRATEGIK

Inisiatif untuk memacu kecemerlangan koperasi melalui pengukuhan jaringan industri, agensi kerajaan dan koperasi (institut sebagai fasilitator/pemudah cara). IKM menggandakan usaha untuk melaksanakan kerjasama dengan agensi berkepentingan yang lain dalam memastikan sasaran Kementerian akan tercapai sepenuhnya. Pada peringkat permulaan 2019,

IKM telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan agensi berikut untuk memberi latihan keusahawanan dan menggalakkan penubuhan koperasi dalam kalangan belia dan individu.

- TEKUN Nasional - IKM selaku pemberi latihan kepada usahawan yang menerima dana TEKUN.
 - UiTM- IKM menyediakan latihan asas keusahawanan kepada pelajar dan mencadangkan subjek koperasi sebagai salah satu subjek elektif universiti.
 - INSKEN- IKM menyediakan latihan asas keusahawanan (scale-up), inkubator khas/latihan kepada usahawan terpilih.
 - UUM-Bekerjasama dengan Pensyarah UUM bagi khidmat konsultasi dan bimbingan koperasi
- d) Di peringkat Kementerian, IKM terlibat secara aktif dalam menyokong pelaksanaan *National Entrepreneurship Framework (NEF)* yang menggariskan 21 objektif strategik utama. Pihak IKM telah diberikan peranan utama dalam NEF iaitu melaksanakan objektif strategik ke 9- *Streamlining Entrepreneurship Training* dan objektif strategik ke 14- *Co-Operatives As Driver Of Social Entrepreneurship* dan ke arah tersebut IKM telah melibatkan Pengarah Kanan dan Pengarah Pusat bagi bekerjasama dengan INSKEN, SMECORP, SME BANK,

PROTEGE, MAGIC, SKM dan TEKUN untuk menetapkan pelan tindakan selanjutnya.

MED juga telah mengenal pasti beberapa sektor strategik dengan potensi pendapatan tinggi untuk pembangunan vendor seperti automotif, rel, aeroangkasa, peralatan perubatan, bioteknologi dan tenaga. Kerajaan berhasrat untuk melahirkan lebih banyak PKS termasuk daripada golongan B40 untuk menjadi pembekal komponen, pengilang atau penyedia perkhidmatan dengan kerjasama syarikat peneraju. Oleh itu IKM perlu bergerak selari dengan hasrat Kementerian agar latihan dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan semasa pasaran dan rakyat.

4. OUTCOME TRANSFORMASI MKM KE IKM

Melalui perubahan ini kita berharap akan berlaku anjakan paradigma minda semua kakitangan yang lebih berfokus kepada outcome dan impak kepada koperasi serta usahawan. Hasil daripada penjenamaan yang dilaksanakan, kita berharap akan menghasilkan impak merangkumi perkara berikut ;

- a) Meningkatkan bilangan usahawan dalam kalangan koperasi.
- b) Meningkatkan peluang pekerjaan.
- c) Meningkatkan taraf sosio ekonomi (B40, Kumpulan sasar berpotensi seperti wanita, belia, OKU, ibu tunggal, asnaf).

d) Mempersiapkan Malaysia ke arah negara maju melalui pendidikan yang berkualiti.

Beberapa sasaran utama MED dalam NEF dikongsikan bersama :

- a) Menyediakan 1 juta pekerjaan dalam tempoh lima tahun.
- b) Melahirkan 50,000 usahawan IKS setahun
- c) Meningkatkan pulangan sebanyak RM55 bilion sektor koperasi pada 2020.
- d) 41 peratus sumbangan sektor keusahawanan kepada ekonomi negara
- e) Koperasi sebagai instrumen utama menggalakkan keusahawanan dalam kalangan B40
- f) Dasar Keusahawanan Negara sebagai pelan tindakan untuk dijadikan panduan kepada kegiatan keusahawanan.

Akhir kata, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada YB Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan atas kehadiran untuk melancarkan penjenamaan baharu Institut Koperasi Malaysia. Tidak lupa kepada semua ahli jawatankuasa yang bertungkus-lumus menganjurkan majlis ini dengan jayanya.

Sekian, Terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatu

